



**KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM**

TEKS UCAPAN

**YB NIK NAZMI NIK AHMAD
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM**

**SEMPENA
MAJLIS PELANCARAN ECOPOD & PENYAMPAIAN ANUGERAH
GUINNESS WORLD RECORDS**

**LOBI KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM
(NRES)**

8 MEI 2025 (KHAMIS)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh and Salam Malaysia MADANIi.

1. **Yang Berbahagia Datuk Dr. Ching Thoo a/l Kim**
Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)
2. **Yang Berbahagia Datuk Nor Yahati Awang**
Timbalan Ketua Setiausaha (Kelestarian Alam), Kementerian
Sumber Asli dan Kelestarian Alam
3. **Yang Berbahagia Encik Santharuban Thurai Sundaram**
Ketua Pegawai Eksekutif, Etika Sdn Bhd
4. **Yang Berusaha Puan Amy Gan Naib**
Presiden Pemasaran, Etika Sdn Bhd
5. Wakil dari Guinness World Records
6. Rakan-rakan Media
7. Para tetamu kehormat
8. Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

PENGENALAN

1. Alhamdulillah, hari ini kita meraikan satu lagi pencapaian penting buat negara. Pelancaran Ecopod oleh ATLAS serta pengiktirafan Guinness World Records ini menandakan satu langkah penting ke arah memperkukuhkan usaha negara dalam bidang kelestarian alam sekitar terutamanya dalam pengurusan sisa plastik.

2. Bagi pihak Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Etika dan semua pihak terlibat atas usaha, komitmen dan inovasi yang telah membuahkan kejayaan ini.
3. Kejayaan ini bukan hanya satu pencapaian korporat. Ia adalah sebahagian daripada inisiatif nasional dalam mempercepatkan peralihan kepada ekonomi hijau, sejajar dengan komitmen Malaysia MADANI, Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR), Dasar Ekonomi Kitaran Negara, serta menyumbang kepada Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

ECOPOD: INOVASI YANG MENYOKONG ASPIRASI NASIONAL

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Inisiatif seperti Ecopod menyokong usaha negara ke arah pengurangan jejak karbon dan kelestarian sumber, selaras dengan komitmen Malaysia untuk mencapai matlamat Net Zero menjelang 2050.
5. Dengan reka bentuk yang kompak namun berkeupayaan tinggi, Ecopod membuktikan bahawa inovasi berskala kecil mampu mencetus perubahan. Ia memperkasakan budaya kitar semula, mengurangkan kebergantungan kepada bahan mentah baharu, dan mempercepatkan usaha pengurangan jejak karbon.

6. Pendekatan seperti ini penting dalam menyokong aspirasi negara untuk mencapai pengurangan pelepasan gas rumah kaca (GHG) sebanyak 45% berbanding KDNK menjelang 2030, serta matlamat pelepasan sifar bersih (*net-zero*) menjelang 2050.

Tuan-tuan dan puan-puan,

PENYELARASAN DENGAN DASAR NEGARA

7. Mesin Ecopod mempamerkan keupayaan dalam pemadatan sisa plastik, serta mengaplikasi proses kitaran bahan, sekaligus memaksimumkan penggunaan sumber. Ia memudahkan proses kitar semula dan meningkatkan keberkesanan dalam pengurusan sisa pepejal, khususnya plastik. Dengan sistem automatik, ia mengurangkan keperluan tenaga kerja manual, meningkatkan produktiviti dan menurunkan kos operasi.
8. Usaha hari ini adalah sebahagian daripada rangka kerja besar yang digariskan melalui:
 - a. Dasar Ekonomi Kitaran Negara, yang memperkukuh usaha pengurangan sisa, penggunaan semula, dan pengitaran semula sumber.
 - b. Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR), yang mendorong peralihan tenaga bersih dan lestari.
 - c. *Low Carbon Cities Framework* (LCCF), yang membimbing pihak berkuasa tempatan ke arah pembangunan komuniti rendah karbon.
 - d. Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) juga sedang merangka Rang Undang-Undang Perubahan Iklim

Negara bagi memperkukuh tindakan iklim di semua peringkat, memastikan penyelarasan yang lebih efektif dalam usaha mitigasi dan adaptasi perubahan iklim.

- e. Inisiatif seperti Ecopod bukan sahaja menyokong dasar-dasar ini, malah menggerakkan tindakan masyarakat akar umbi ke arah budaya kelestarian yang lebih menyeluruh.

IMPAK NASIONAL DAN PENYELARASAN DENGAN AGENDA NEGARA

- 9. Penciptaan dan pelaksanaan ATLAS Ecopod berkait rapat dengan agenda kelestarian negara. Malaysia menghasilkan lebih 1 juta tan sisa plastik setiap tahun namun hanya sebahagian kecil dikitar semula. Ini menjadi cabaran besar di kawasan bandar dan memberi kesan kepada kesihatan awam, kelestarian alam dan kemakmuran ekonomi.
- 10. Dengan Ecopod, kita bukan sahaja dapat mengurangkan impak negatif pengurusan sisa plastik, tetapi juga dapat memperkukuh usaha-usaha negara ke arah pengurangan jejak karbon. Dalam konteks Malaysia Madani yang menekankan prinsip kelestarian dan kesejahteraan alam sekitar, rekapipta mesin ini selaras dengan dasar-dasar kerajaan dalam mengurangkan kesan perubahan iklim dan menjamin kelestarian alam untuk generasi yang akan datang.
- 11. Menerusi pendedahan kepada teknologi lestari seperti Ecopod, kita mendidik generasi muda supaya lebih menghargai sumber,

bertanggungjawab terhadap alam sekitar, dan mengamalkan gaya hidup rendah karbon sejak dari bangku sekolah lagi.

Tuan-tuan dan puan-puan,

PENUTUP

12. Bagi saya, ATLAS Ecopod bukan sekadar satu inovasi teknologi, tetapi juga satu langkah penting dalam menghadapi cabaran pengurusan sisa di masa depan.

13. Saya berharap Ecopod ini akan menjadi pemangkin untuk lebih banyak inovasi hijau yang mampu mengurangkan kesan perubahan iklim, mengurangkan sisa, dan memperbaiki kualiti hidup rakyat.

Sekian, terima kasih.